



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 26 OKTOBER 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KELUHAN PESAWAH YANG TIADA BERKESUDAHAN, SUARA SINAR, SH-16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	TUBUH JAWATANKUASA KHAS PELIHARA PATIN, NEGARA KOSMO-16	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	MOVE TO SAFEGUARD FISHERY RESOURCES, NEWS, TRHE SUN-3	
4.	KELANTAN SASAR LEPASKAN SEJUTA BENIH UDANG GALAH DAN IKAN, NEGERI, SH-29	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
5.	PASAR BORONG PELADANG JADI PILIHAN, MURAH, NEGARA KOSMO-16	
6.	PASAR BORONG PELADANG TAWAR HARGA RENDAH SETIAP HARI, NEGERI, UM-34	
7.	SYOR BERI SUBSIDI TUNAI, LOKAL, HM-12	LAIN-LAIN
8.	PENGGUBALAN DASAR WAJAR MAMPU TUMPU AGENDA KETERJAMINAN MAKANAN, MINDA PEMBACA, BH-13	
9.	'SELARASKAN HARGA SILING AYAM, TELUR', NASIONAL, SH-9	
10.	'HARGA SILING AYAM, TELUR PERLU DISELARAS IKUT PASARAN DUNIA', NASIONAL, BH-4	
11.	TIADA PENYAMBUNG LEGASI, NASIONAL, SH-23	
12.	OMBAK BESAR, NELAYAN MULA SIMPAN BOT, NEGARA, KOSMO-17	
13.	'GIVE CASH TO BUY CHICKEN, EGGS', NATION, NST-5	
14.	PSM URGES PM, MAFI MINISTER TO INTERVENE, NEWS, GUANG MING DAILY-A4	
15.	RHB RESEARCH: CHICKEN AND EGG PRICES UNLIKELY TO RISE SIGNIFICANTLY AFTER PRICE CONTROLS LIFTED, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2	
16.	GOVT ANNOUNCES SEVERAL MEASURES TO BOOST FOOD PRODUCTION, NATION, SIN CHEW DAILY-4	
17.	PSM: ANWAR, MAT SABU INDIFFERENT TO FARMER EVICTION, NATION, SIN CHEW DAILY -8	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/10/2023	SINAR HARIAN	SUARA SINAR	16

Keluhan pesawah yang tiada berkesudahan



ANALISIS
MUKA 16

ROSHILA MURNI

Terdapat kira-kira 54,886 pesawah di Kedah dan Perlis yang membanting tulang mengerjakan tanah bendang mereka untuk memastikan keterjaminan bekalan beras tempatan negara sebanyak 60 peratus.

Walaupun sejak bertahun-tahun dahulu pelbagai isu padi muncul dan terbaharu harga padi tidak dapat diselesaikan, namun mereka masih setia memerah keringat di sawah demi 'memberi makan' kepada rakyat Malaysia.

Berdasarkan rekod liputan oleh akhbar ini, Pada November 2019, kira-kira 500 petani dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) di kawasan Tunjang, Kedah tidak dapat melaksanakan kerja menabur benih padi di sawah disebabkan terputus bekalan.

Pada Oktober 2020 pula, lebih 100,000 pesawah kecewa apabila terpaksa berhadapan dengan kelewatan dan eksploitasi harga benih padi yang tidak berkesudahan.

Exco Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, perkara itu berlaku pada setiap musim penanaman padi.

Pada Oktober 2021, timbul pula isu harga benih padi apabila PeSAWAH menyeru agar subsidi benih padi yang diterima oleh pengilang diberikan kepada petani untuk menyelesaikan masalah harga benih padi.

Ini kerana petani terpaksa mem-

beli benih pada harga mahal apabila kilang dan peruncit menjual benih padi dengan harga melebihi RM35 iaitu sekitar RM40 hingga RM50 bagi satu beg seberat 20 kilogram (kg).

Kemudian pada April 2022, Pengarah Kawalselia Padi Dan Beras Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan negeri Kedah, Abdul Rahman Tajudin memberi jaminan bekalan benih padi sah masih stabil dan boleh diperolehi dari mana-mana peruncit yang diberi kebenaran oleh Ketua Pengarah Kawalselia Padi Dan Beras.

Ingatkan sudah reda isu benih padi, namun terbaharu pada Jun lalu, PesaWah sekali lagi bersuara mendakwa kualiti sebahagian benih padi yang dibekalkan kepada pesawah mengecewakan dan langsung tidak bercambah apabila direndam air.

Pemerhatian yang mereka jalankan juga mendapati terdapat benih lama yang dijual kepada pesawah berusia lebih tiga bulan daripada tarikh diproses. Malah turut berlaku kejadian di mana benih baharu namun tidak bercambah apabila direndam.

Belum reda isu benih padi, awal Oktober ini, dikejutkan pula dengan harga belian padi yang turun mendadak kepada harga lantai RM1,200 per tan metrik selepas kira-kira dua minggu dinaikkan kepada RM1,700.

Apabila tiba-tiba harga padi diturunkan kepada harga lantai, pesawah terpaksa menanggung kos yang tinggi untuk memulakan musim baharu penanaman padi.

Setelah gesaan demi gesaan kepada kerajaan, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Belanjawan 2024 telah mengumumkan peningkatan harga lantai belian padi kepada RM1,300 per tan metrik demi membantu pendapatan pesawah.

Walaupun masih ada rasa ketidakpuasan hati dalam kalangan pesawah

“

Lebih 100,000 pesawah melahirkan rasa kecewa apabila terpaksa berhadapan dengan kelewatan dan eksploitasi harga benih padi yang tidak berkesudahan.”

dengan penetapan harga berkenaan, namun pesawah tetap akur.

Terbaharu, pada Jumaat lalu, kerajaan mengumumkan akan melaksanakan penyelarasan harga kawalan maksimum baharu bagi program Insentif Benih Padi Sah (IBPS) di seluruh Semenanjung berkuatkuasa serta merta.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, dengan langkah itu harga di pintu gudang syarikat pengeluar benih padi sah (BPS) diselaras daripada RM31 kepada RM40 per kampil 20 kilogram.

Di peringkat peruncit pula ia diselaras daripada RM35 kepada RM45 per kampil 20 kilogram. Jika ingin dikupas isu industri padi ini secara menyeluruh, masih banyak yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan.

Namun apa yang membanggakan penulis, betapa tabahnya pesawah di negara kita, walaupun isu demi isu muncul dalam industri padi, mereka tetap mengerjakan sawah.

Walaupun turun berdemonstrasi, tetapi tetap pulang mengerjakan sawah kerana mereka sedar tanggungjawab mereka sangat besar sebagai penyumbang utama sektor makanan negara.

**Penulis ialah wartawan Sinar Harian Utara*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/10/2023	KOSMO	NEGARA	16

Kekalkan Temerloh sebagai pusat *gastro tourism*

Tubuh jawatankuasa khas pelihara patin

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**

TEMERLOH – Satu jawatan kuasa khas perlu ditubuhkan segera bagi menjaga dan memelihara industri patin Temerloh yang menjadi teras utama kepada industri pelancongan dan pembangunan ekonomi daerah itu.

Penyelaras Parlimen Temerloh, Datuk Ridzuan Hazimin Ramli berkata, jawatankuasa khas yang akan menjadi badan bertindak dan pemantau industri patin itu perlu dianggotai semua jabatan terlibat seperti Majlis Perbandaran Temerloh (MPT), Jabatan Kesihatan, Jabatan Perikanan dan lain-lain yang berkaitan.

“Cadangan saya supaya kita adakan pasukan bertindak secara bersepadu bagi menjaga industri patin secara umum dan juga industri atau juadah masakan patin secara khusus.

“Saya harap dapat ditubuhkan dan mungkin MPT sebagai sekretariat jawatankuasa khas ini. Saya percaya kalau langkah yang betul diambil, industri patin dan juadah masakan patin boleh berkembang maju, boleh berkekal dan Temerloh ini akan lebih dikenali sebagai satu pusat pelancongan *gastro tourism*,” katanya di sini semalam.

Kosmo! baru-baru ini melaporkan keterujaan pelanggan



HIDANGAN ikan patin tempoyak terkenal sebagai satu tarikan pelancongan di Temerloh.

menikmati ikan patin di beberapa buah kedai makan di Temerloh terbantut selepas disajikan ikan patin busuk.

Susulan itu, MPT telah melakukan pemeriksaan ke kedai masakan patin dan mengenalpasti salah sebuah premis yang didakwa terlibat turut tidak mempunyai lesen perniagaan.

Laporan awal pemeriksaan turut mendapati antara punca masakan patin

tersebut berbau busuk adalah disebabkan penyimpanan yang tidak sempurna termasuk tahap sejuk beku yang tidak mencukupi selain masalah kualiti tempoyak yang digunakan.

Menurut Ridzuan Hazimin, pihak kerajaan negeri memandang serius berhubung isu kualiti juadah ikan patin Temerloh yang perlu diberikan perhatian dan keutamaan oleh semua pihak.

Jelasnya, ini kerana ikan patin merupakan tarikan pelancongan terbesar di Temerloh yang menyaksikan kehadiran orang ramai ke daerah itu yang mahu menikmati juadah ikan air tawar tersebut.

Justeru, katanya, satu tindakan proaktif perlu dilakukan bagi memastikan industri patin di daerah ini dijaga dari segenap aspek termasuk kualiti.

Pelanggan kecewa dihidang patin berbau seperti bangkai

KERATAN Kosmo! 18 Oktober 2023.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/10/2023	THE SUN	NEWS	3

Move to safeguard fishery resources

KUALA LUMPUR: The Agriculture and Food Security Ministry has prepared an action plan to ensure the supply of protein resources is safeguarded and guaranteed.

Its deputy minister Datuk Chan Foong Hin said the move includes increasing the preservation of fishery resources and habitat conservation by placing artificial reefs in the no-trawl zone to avoid habitat destruction and increase fishery biomass.

He said efforts were also taken to increase resources through aquaculture activities, by focusing on high-productivity and potential aquaculture species, such as white shrimp, seaweed and cockles.

"Developing the fisheries and aquaculture economic

community by providing financial facilities, tax incentives and facility assistance for investors, fishermen and breeders will increase competitiveness and the ability to produce at an optimal rate," he said.

He was responding to a question from Dr Ahmad Fakhruddin Fakhruddin (PN-Kuala Kedah) on a sustainable strategy to increase the income of inland fishermen, during the question and answer session in the Dewan Rakyat yesterday.

Meanwhile, the ministry has established a strategic partnership with private companies to develop agricultural technology as an initiative to promote smart-farming models in the country's agricultural industry.

Chan said the collaboration

involved FGV Integrated Farming Sdn Bhd in the Large-Scale SMART Padi Field programme to implement the Beras Wangi Fortified Field initiative.

He added that this initiative is related to the use of microbes and soil conditioners to enhance soil fertility, which will directly increase yields, especially in low-yield areas.

"To support this effort, (the ministry) also helps provide sufficient information and requirements about the necessary soil treatment as well as hyperspectral imaging in controlling pests and diseases with various items of equipment," he said in response to a question from Mohd Syahir Che Sulaiman (PN-Bachok) on the ministry's initiative in promoting smart agriculture models. - Bernama

Kelantan sasar lepaskan sejuta benih udang galah dan ikan

KOTA BHARU - Kerajaan negeri Kelantan menyasarkan lebih sejuta benih udang galah dan ikan air tawar dilepaskan ke Sungai Kelantan tahun depan sebagai usaha menjamin pendapatan nelayan darat di negeri ini.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Kelantan, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, pelepasan hidupan akuatik itu dilakukan setiap tahun dengan kerjasama Jabatan Perikanan Negeri Kelantan sejak 2019.

Katanya, langkah penambahan itu sekali gus meningkatkan pemeliharaan ekosistem sungai yang menjadi lubuk rezeki ramai penduduk terutama di kawasan tepi sungai.

Menurut beliau, penilaian dan pemilihan lokasi yang bersesuaian juga dibuat sebelum pelepasan benih anak-anak udang galah atau ikan berkenaan.

"Kami ikut tempat-tempat contohnya yang sesuai dengan habitat anak udang galah dan ikan air tawar seperti di Temangan, Machang.

"Benih ikan seperti kelah, sebarau, lampam sungai, baung dan terbul dilepaskan supaya dapat memberi hasil



Tuan Mohd Saripudin (dua dari kanan) menunjukkan sayur-sayuran yang dijual di Karnival Jualan Agro Madani LPP di Tunjong, Kota Bharu pada Rabu.

kepada nelayan yang bergantung pada tangkapan di sungai," katanya selepas merasmikan Karnival Jualan Agro Madani Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di Tunjong di sini, pada Rabu.

Tuan Mohd Saripudin berkata, pelepasan benih udang galah dan ikan itu antara usaha pihak kerajaan negeri bagi membantu para nelayan selain pemberian bantuan pukat, jala, bot fiber dan tong ikan.

Ujar beliau, pihaknya turut mahu memastikan setiap nelayan darat memperoleh hasil tangkapan di sungai sekurang-kurangnya antara lima hingga 10 kilogram sehari.

"Sebagai contoh, seorang nelayan akan mendapat pendapatan minimum RM50 hingga RM100 sehari.

"Sejak 2019 sebanyak 3.77 juta benih ikan dan udang galah berjaya dilepaskan ke sungai-sungai utama," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/10/2023	KOSMO	NEGARA	16



PASAR Borong Peladang di Taman Permata, Kluang dibuka setiap hari kepada orang ramai.

Pasar Borong Peladang jadi pilihan, murah

KLUANG – Pasar Borong Peladang di sini menjadi pilihan penduduk di daerah ini untuk mendapatkan barangan keperluan harian kerana menawarkan harga borong lebih murah berbanding di tempat lain.

Pasar yang mula dibuka pada 21 Oktober lalu hasil daripada cetusan idea Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kluang, Mohd. Hafiz Azmi itu beroperasi setiap hari bermula pada pukul 6 pagi hingga 2 petang kecuali cuti umum terpilih.

Menurut Mohd. Hafiz, pembukaan pasar ini adalah usaha PPK Kluang untuk memastikan orang ramai berpeluang mendapatkan bekalan makanan pada harga yang murah setiap hari tanpa perlu menunggu program jualan anjuran pihak tertentu.

Katanya, pihaknya turut merancang untuk menjadikan sebahagian pasar borong ini sebagai pusat pengumpulan hasil tani bagi membolehkan petani-

petani sekitar bandar Kluang memasarkan hasil pertanian mereka.

"Antara barangan yang dijual di pasar ini adalah sayur-sayuran segar hasil pertanian penduduk setempat selain buah-buahan tempatan, ayam, daging dan ikan.

"Turut dijual adalah barangan kering seperti beras tempatan, bawang dan pelbagai keperluan dapur lain yang dijual jauh lebih rendah daripada harga pasaran," katanya baru-baru ini.

Mohd. Hafiz berkata demikian ketika ditemui sewaktu tinjauan operasi Pasar Borong Peladang di Taman Permata di sini.

Tambah Mohd. Hafiz, dengan kemudahan pembelian harga murah itu diharapkan dapat membantu golongan kurang berkemampuan.

"Boleh beli keperluan makanan harian tanpa perlu berbelanja besar pada harga yang murah," ujarnya.

26/10/2023

UTUSAN

NEGERI

34

MALAYSIA

Pasar Borong Peladang tawar harga rendah setiap hari

KLUANG: Pasar Borong Peladang Taman Permata di sini akan menjual barangan keperluan pada harga lebih rendah setiap hari bagi membantu penduduk yang terbeban dengan kenaikan kos sara hidup.

Pasar yang mula dibuka 21 Oktober lalu hasil cetusan idea Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kluang, Mohd. Hafiz Azmi itu beroperasi bermula pukul 6 pagi hingga 2 petang kecuali cuti umum.

Menurut Mohd. Hafiz, pasar itu adalah usaha PPK Kluang untuk memastikan orang ramai mendapat bekalan makanan pada harga murah.

Pihaknya turut merancang menjadikan sebahagian daripada pasar borong itu sebagai pusat pengumpulan hasil tani bagi membolehkan petani di sekitar Kluang memasarkan hasil perta-

nian mereka.

"Antara barang yang dijual di pasar ini ialah sayur-sayuran segar hasil tani penduduk setempat, buah-buahan tempatan, ayam, daging dan ikan.

"Turut dijual barangan kering seperti beras tempatan, bawang dan pelbagai keperluan dapur lain yang dijual jauh lebih murah daripada harga pasaran," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Beliau berharap harga lebih murah yang ditawarkan dapat membantu golongan kurang berkemampuan mendapatkan keperluan makanan harian keluarga tanpa perlu berbelanja besar.

Seorang pelanggan, Fauziah Mohamad, 54, yang pertama kali datang ke pasar borong itu terkejut dan mengakui harga barang yang dijual di situ lebih murah dan amat berpatutan serta menjimatkan.



MOHD. Hafiz Azmi (dua dari kiri) melihat ikan siakap yang dijual di Pasar Borong Peladang di Taman Permata, Kluang.

Oleh Mohamed Farid Noh
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan dicadangkan supaya memberikan subsidi tunai ayam dan telur kepada golongan B40 dan M40, bagi melindungi golongan itu daripada kesan kenaikan harga dua bahan mentah berkenaan.

Ia susulan saranan bekas Menteri Kewangan II Datuk Seri Johari Abdul Ghani, supaya kerajaan melaraskan semula harga siling runcit ayam dan telur mengikut kenaikan serta penurunan harga pasaran komoditi dunia.

Johari yang juga Ahli Parlimen Titiwangsa berkata, langkah pelarasan harga siling ayam dan telur itu adalah penyelesaian jangka panjang bagi menangani kekurangan bekalan dua bahan mentah itu sebagai persediaan harga komoditi dunia bagi makanan ayam meningkat lagi.

Kata beliau, punca kepada masalah bekalan ayam dan telur di negara ini disebabkan kenaikan harga komoditi dunia di mana sumber makanan ayam, terutama komoditi jagung dan kacang soya yang diimport, naik berkali ganda.

Beliau berkata, sebelum ini kerajaan tidak pernah

membelanjakan sebarang subsidi kepada industri ayam dan telur kerana Malaysia boleh mencapai kadar sara diri *self-sufficiency rate* yang mencukupi bagi bahan mentah utama itu serta industri berkenaan tidak pernah mempunyai sebarang masalah.

Ketika ini, kata Johari, kerajaan sudah membelanjakan subsidi kepada penterjak sebanyak RM3.8 bilion hanya untuk subsidi ayam dan telur, tetapi bekalan tetap berdepan dengan masalah.

"Satu ketika dahulu, pengeluaran ayam adalah sa-

ISU HARGA AYAM, TELUR

Syori beri subsidi tunai



harga siling runcit ayam dan telur mengikut kenaikan serta penurunan harga pasaran komoditi dunia sebagai persediaan persediaan harga komoditi membabitkan makanan ayam yang kebanyakannya diimport.

"Namun, apabila kerajaan melaraskan kenaikan harga

"Antaranya, kestabilan kepada industri secara keseluruhan, syarikat boleh beroperasi dengan baik dan tidak ditutup serta kerajaan boleh mendapat cukai hasil daripada keuntungan syarikat susulan perkembangan industri yang sihat"

siling runcit ayam dan telur mengikut harga pasaran, kerajaan perlulah menjaga golongan B40 pertengahan M40 yang akan terjejas akibat pelarasan ini.

"Bagi menjaga golongan B40 dan M40 ini, kerajaan disaran memberikan subsidi tunai ayam dan telur melalui *cash transfer* terus kepada mereka, dengan jumlah subsidi yang diberikan perlu mengikut peneruan dan kenaikan harga siling runcit yang ditetapkan oleh kerajaan," katanya dalam perbincangan di Dewan Rakyat, Kertamari.

Dalam pada itu, Johari

yang juga Naib Presiden Unno berkata, impak kepada pelarasan harga siling runcit dengan mengikut kenaikan dan penurunan harga pasaran bebas komoditi dunia serta sokongan pemberian subsidi terus kepada golongan sasaran, boleh memberi kesan kestabilan kepada industri ayam dan telur secara keseluruhan.

Kata beliau, syarikat sektor ayam dan telur juga boleh beroperasi dengan lancar dan tidak berisiko terpaksa ditutup.

"Kerajaan boleh mendapatkan cukai hasil daripada keuntungan syarikat disebabkan perkembangan industri ayam dan telur yang sihat akibat pelarasan harga siling.

"Pendapatan kerajaan juga boleh diagihkan dengan memperuntukkan subsidi ayam dan telur terus kepada golongan B40 dan pertengahan M40 melalui *cash transfer* selain negara akan memperoleh semula kadar 100 peratus *self-sufficient*.

"Negara juga tidak perlu bergantung kepada bekalan import ayam dan telur selain dapat membangun serta mengukuhkan kedudukan keselamatan makanan bagi industri ayam dan telur malah mampu mengekspor ke pasaran luar negara sekali gus meyakinkan negara pengimport untuk membeli bekalan dari Malaysia," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/10/2023	HARIAN METRO	MINDA PEMBACA	13

Penggubalan dasar wajar tumpu agenda keterjaminan makanan

Nor Azwa Abdul Aziz,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Benuea Asia dijangka berhadapan dengan isu keterjaminan makanan agak teruk. Ia susulan situasi semasa yang meramalkan gangguan dalam bekalan makanan dunia. Hal ini tentu sahaja disebabkan Asia di-

huni oleh warga dunia teramat dengan daripada 10 negara terpadat di dunia, lima adalah negara Asia.

Pejabat Koordinasi Hal Ehwal Kemanusiaan Pertubuhan Bangsa Bersatu (OCHA) Januari lalu menyebut, sekitar tujuh juta orang di rantau Asia Pasifik berhadapan masalah keterjaminan makanan disebabkan konflik Rusia-Ukraine.

OCHA turut melaporkan pada 2021, daripada keseluruhan kes kurang zat makanan di dunia, 55 peratus adalah di Asia atau seramai 465 juta orang. Tahun lalu State of Food Insecurity (SOFI) meramalkan peningkatan jumlah itu antara 0.93 peratus dan 1.41 peratus disebabkan konflik di Ukraine.

Bagaimanapun secara keseluruhannya, isu keterjaminan makanan bukanlah masalah yang dihadapi oleh negara Asia, sebaliknya ia adalah masalah global. Misalnya, PBB pada tahun lalu turut melaporkan sekitar 691 dan 783 juta orang di seluruh dunia berhadapan isu kelaparan namun disebabkan faktor kepadatan penduduk, majoriti-

nya adalah penduduk Asia. Dalam konteks Malaysia, sebenarnya kerajaan sudah pun mengambil langkah untuk menangani isu keterjaminan makanan. Misalnya, sebelum ini sudah ada dua dasar berkaitan yang diperkenalkan iaitu Dasar Keterjaminan Makanan Negara 2021-2025 dan Dasar Agro-Makanan Negara 2021-2030.

Bagaimanapun kita juga perlu memahami, isu keterjaminan makanan ini bukan hanya berlaku disebabkan peperangan. Sebaliknya ia turut disumbangkan oleh faktor kepadatan penduduk dunia. Menjelang 2050 penduduk bumi dianggarkan mencecah 10 bilion. Angka yang besar ini menandakan lebih banyak makanan diperlukan. Per-

nian tidak boleh lagi diusahakan dalam skala kecil dan kaedah tradisional sebaliknya ia perlu diadaptasikan selari dengan permintaan. Malah, sebenarnya pada 2020, Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim (IPCC) pernah melaporkan sejak 1961, bekalan makanan per kapita memang mencatatkan peningkatan lebih daripada 30 peratus.

Jadi, isu pertambahan penduduk digabungkan pula dengan faktor alam sekitar turut mempengaruhi isu keterjaminan makanan. Laman web Earth.org melaporkan, krisis iklim mengubah cuaca dan meningkatkan risiko berlaku bencana seperti taufan, banjir dan kemarau. Insiden sebegini mempengaruhi perubahan ekosistem selain menjelaskan kepelbagaian biologi dan memusnahkan hasil tuai.



Negara perlu lahirkan pakar dan membuat pelaburan yang tepat bagi memastikan bekalan makanan terjamin.

Hal ini akan memberi impak kepada proses pengeluaran makanan, mengehadkan kuantiti selain capaian kita terhadap makanan sekali gus menjelaskan kestabilan bekalan di seluruh dunia.

Bencana angkara kerakasan manusia

Sebenarnya, kesan daripada bencana alam ini turut berpunca daripada tangan kita sendiri. Misalnya, disebabkan pelepasan gas rumah hijau. Terdapat kajian yang menunjukkan pengeluaran tahunan jagung akan menurun sehingga 24 peratus menjelang 2030, ia dijangka diikuti dengan tanaman ruji lain seperti padi dan gandum.

Selain itu kejadian seperti banjir akan turut menjelaskan rantaian makanan. Jika ada pun hasilnya amat terhad dan menyekat amalan eksport. Justeru, bagi negara yang bergantung kepada bahan import, ia akan menyebabkan dampak besar. Dunia sudah pun melihat bagaimana banjir besar menjejaskan tanaman. Misalnya sekitar 2021, berlakunya banjir besar di China yang merosakkan 30 juta ekar tanaman.

Kita tidak boleh melihat isu luar negara secara terpencil lagi. Hal ini kerana kehidupan di bumi ini saling bergantung atas faktor ekonomi. Peperangan yang tidak selesai selain isu alam sekitar luar kawalan, masing-masing akan mempunyai pengaruh terhadap kestabilan bekalan makanan dunia.

Justeru, dalam hal ini, Malaysia perlu kaji semula dasar keterjaminan makanan sedia ada. Kita perlu bangkitkan pakar dan membuat pelaburan yang tepat bagi memastikan bekalan makanan terjamin. Dalam hal ini, membangunkan tanah sawah yang satu ketika dulu pernah dilaikan Proses Ke-

benaran Merancang perlu dilihat semula. Adalah tidak wajar untuk membenarkan lagi untuk mengubah status tanah daripada pertanian kepada pembangunan berdasarkan keadaan semasa. Malah, pertanian seharusnya dibuagarkan bagi memberikan perspektif baharu dalam usaha kita menangani isu ini.

Kerajaan perlu ikut
harga komoditi dunia
elak isu bekalan

Oleh FARAH SHAZWANI ALI
SHAH ALAM

'Selaraskan harga siling ayam, telur'

Kerajaan boleh mengambil kaedah melaraskan semula harga siling runcit ayam dan telur mengikut kenaikan serta penurunan pasaran komoditi dunia.

Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, langkah itu perlu dibuat bagi mengatasi masalah bekalan dalam negara.

Beliau berkata, isu bekalan tetap berlaku walaupun kerajaan telah membelanjakan RM3.8 bilion subsidi kepada penternak, hanya untuk subsidi ayam dan telur.

Sedangkan katanya, pengeluaran ayam di Malaysia sangat stabil iaitu lebih 100 peratus.

"Manakala pengeluaran bekalan telur mencapai sebanyak 110 peratus sehingga industri ayam dan telur Malaysia berjaya mengeksport ke pasaran luar negara sebelum ini.

"Dahulu, kerajaan tidak pernah membelanjakan sebarang subsidi kepada industri

ini kerana Malaysia boleh mencapai kadar sara diri (self-sufficiency rate) yang mencukupi bagi ayam dan telur serta industri tidak pernah mempunyai sebarang masalah.

"Punca kepada masalah bekalan telur dan ayam di negara kita baru-baru ini, disebabkan kenaikan harga komoditi dunia, di mana sumber makanan ayam iaitu komoditi jagung serta kacang soya yang diimport naik berganda.

"Untuk solusi jangka masa panjang, apabila harga komoditi dunia makanan ayam meningkat lagi, kerajaan boleh melaraskan semula harga siling runcit ayam dan telur mengikut kenaikan serta penurunan harga pasaran," katanya sewaktu sesi perbincangan di Dewan Rakyat pada Rabu.

Bagaimanapun jelas Johari, apabila melaraskan kenaikan harga siling runcit ayam dan telur mengikut harga pasaran, kerajaan perlu menjaga golongan B40 serta M40 yang terjejas.

Ujar beliau, bantuan yang perlu dibuat adalah subsidi tunai ayam dan telur yang diberikan secara terus kepada mereka.

"Sudah tentu jumlah subsidi yang diberikan itu perlu mengikut penurunan dan kenaikan selaras harga siling runcit yang ditetapkan kerajaan.

"Pelarasan harga siling runcit mengikut kenaikan dan penurunan harga pasaran beras komoditi dunia serta sokongan pemberian subsidi terus kepada golongan sasaran boleh memberi kesan kepada kestabilan industri secara keseluruhan.

"Syarikat juga boleh berjalan dengan baik dan tidak ditutup. Kerajaan boleh mendapatkan cukai hasil keuntungan syarikat disebabkan perkembangan industri yang sihat," ujar beliau.

Jelas Johari, negara juga boleh memperoleh semula kadar 100 peratus tahap sara diri dan tidak perlu bergantung kepada bekalan import ayam dan telur.

"Secara tidak langsung, kita mampu mengeksport bekalan ke pasaran luar dan meyakinkan negara pengimport untuk membeli bekalan dari Malaysia," jelasnya.



JOHARI

'Harga siling ayam, telur perlu diselaras ikut pasaran dunia'

Dari Muka 1

"Kerajaan boleh mendapatkan cukai hasil keuntungan syarikat disebabkan perkembangan industri ayam dan telur yang sihat susulan pelarasan harga siling.

"Pendapatan kerajaan juga boleh diagihkan dengan memperuntukkan subsidi ayam dan telur terus kepada golongan B40 dan pertengahan M40 melalui 'pindahan tunai', selain negara akan memperoleh semula kadar 100 peratus kadar sara diri.

"Negara juga tidak perlu bergantung kepada bekalan import ayam dan telur, selain dapat membangun serta mengukuhkan kedudukan keterjaminan makanan bagi industri ayam dan telur, malah mampu mengeksport ke pasaran luar, sekali gus meyakinkan negara pengimport untuk membeli bekalan dari Malaysia," katanya.

Beliau berkata, kerajaan perlu melaraskan semula harga siling runcit ayam dan telur mengikut kenaikan serta penurunan harga pasaran komoditi dunia.

Katanya, langkah pelarasan harga siling ayam dan telur itu penyelesaian jangka panjang

bagi menangani kekurangan bekalan dua bahan mentah itu sebagai persediaan harga komoditi dunia bagi makanan ayam meningkat lagi.

Beliau berkata, punca kepada masalah bekalan ayam dan telur di negara ini disebabkan kenaikan harga komoditi dunia, iaitu sumber makanan ayam terutama jagung dan kacang soya yang diimport naik berkali ganda.

Johari berkata, sebelum ini kerajaan tidak pernah membelanjakan sebarang subsidi kepada industri ayam dan telur kerana Malaysia boleh mencapai kadar sara diri yang mencukupi bagi bahan mentah utama itu serta industri berkenaan tidak pernah mempunyai sebarang masalah.

"Ketika ini kerajaan membelanjakan subsidi kepada penternak RM3.8 bilion hanya untuk subsidi ayam dan telur, tetapi bekalan tetap berdepan masalah.

"Satu ketika dulu, pengeluaran ayam sangat stabil, iaitu lebih 100 peratus dan telur pula mencapai 110 peratus sehingga industri ayam dan telur Malaysia berjaya mengeksport ke pasaran luar negara," katanya.



Tiada penyambung legasi

FOTO: BERNAMA



Muhammad Nashrul Nizam menggunakan bakul basikal bagi memudahkannya mengambil hasil tiram dari dasar Sungai Muar.

Masa depan pencari tiram Muar kian suram

MUAR

Seawal jam enam pagi, Muhammad Nashrul Nizam Abdul Rani, 22, sudah berada di jeti Kampung Pangkalan Tiram untuk meninjau keadaan air Sungai Muar sebelum memulakan rutin hariannya sebagai penyelam tiram.

Dia dan beberapa penyelam lain mula bergerak ke beting panjang iaitu salah satu lubang tiram, yang hanya mengambil masa kurang lima minit dari jeti.

"Inilah rutin kami setiap hari kerana masanya tidak tetap, bergantung keadaan air-tenang (antara pasang dan surut) dan tidak mudah sebenarnya untuk memastikan tekanan air," katanya.

Kegiatan mencari tiram secara tradisional tanpa menggunakan sebarang peralatan menyelam moden ini adalah sumber ekonomi penduduk kampung di sini yang terletak kira-kira 1.5 kilometer (km) dari Bandar Maharani, diusahakan sejak lebih 100 tahun lalu hingga hari ini.

Ramai yang menjadikan pekerjaan ini sebagai punca pendapatan berbanding nelayan laut kerana tiram Sungai Muar yang juga dikenali sebagai tiram putih atau nama saintifiknya *Crassostrea (Magallana) saidii* menjanjikan pendapatan lumayan kerana terkenal dengan tinggi kualitinya dan mempunyai rasa yang enak.

Namun demikian, sejak kebelakangan ini, bilangan pencari tiram ini berkurangan kerana ramai yang sudah berusia dan tidak mampu lagi bekerja selain ada yang sudah meninggal dunia.

"Pekerjaan ini sangat berisiko dan hanya mereka yang betul-betul berjiwa kenal boleh mengharunginya. Sebab itu, tidak ramai anak muda yang berminat menceburi bidang pekerjaan ini dan jumlah penyelam tiram aktif pun tidak sampai

10 orang," tambahnya yang mula menjadi pencari tiram selepas tamat sekolah Tingkatan Lima.

Mungkin lenyap?

Di sebalik berpengalaman kira-kira enam tahun menjadi pencari tiram, Muhammad Nashrul Nizam masih berasa bimbang setiap kali turun ke sungai untuk melakukan rutinnya itu.

Ini kerana berisiko lemas ketika mengutip tiram di dasar sungai yang sedalam antara enam dan sembilan meter, sekiranya kayu bakul sepanjang 6.1 meter yang dipacakkan ke dalam dasar sungai di sebelah perahu mereka untuk berpaut, tumbang.

Teknik menggunakan kayu untuk berpaut ini diwarisi daripada nenek moyang sejak kurun ke-19, bagi mengelak mereka daripada dihanyutkan arus.

Bekerja sepenuh masa sebagai penyelam tiram, dia sehingga hari ini belum dapat menguasai kemahiran menahan nafas untuk tempoh lebih lama sekurang-kurangnya empat hingga enam minit seperti mereka yang lebih berpengalaman.

Setiap kali pencarian yang memakan masa tiga hingga empat jam sehari, dia mampu mengutip tidak kurang daripada 90 biji tiram, yang akan dijual kepada peraih serta pemilik restoran sekitar daerah tersebut dengan harga RM2 setiap satu.

"Pelancong luar turut tertarik dengan kaedah tradisi mencari tiram di sini dan ini juga menjadi sumber pendapatan sampingan apabila kami turut membawa pelancong untuk melihat dan merasai sendiri pengalaman tersebut.

"Pekerjaan ini bagaimanapun kurang diminati anak muda khususnya penduduk kampung di sini dan saya bimbang jika tiada pelapis, pekerjaan mencari tiram akan lenyap suatu hari nanti," katanya.

Makanan istimewa

Permintaan tinggi tiram putih Sungai Muar dalam kalangan penggemar tiram berbanding spesies *Crassostrea Belcheri* (tiram kapak) yang boleh juga dijumpai di sungai berkenaan adalah kerana keenakan

an rasanya yang boleh dimakan segar tanpa perahan lemon.

Malah, keistimewaan itu juga menjadikan ia dikatakan setaraf dengan tiram yang boleh ditemui di perairan Amerika Syarikat atau Eropah yang terkenal dengan tinggi kualitinya selain kajian Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Queen's University Belfast, United Kingdom mengesahkan spesies tiram putih Sungai Muar tidak terdapat di kawasan lain di dunia.

Hasil kajian itu serta perbandingan data yang dilakukan penyelidik dengan koleksi tiram yang terdapat di muzium di Eropah dan spesies yang terdapat di Asia, mendapati tiada rekod DNA yang sama dengan tiram putih di muara Sungai Muar.

Penemuan itu mengejutkan penyelidik Dr Nur Leena Wong dari Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik (I-AQUAS), UPM dan Dr Julia Sigwart dari Queen's University Belfast kerana selepas lebih 160 tahun, tiram itu diketahui dan dituai secara komersial di muara Sungai Muar tiada nama saintifik.

Walhal, spesies itu yang dikenali se-

bagai tiram putih dalam kalangan penduduk dan nelayan tempatan kerana isinya berwarna putih pernah dijadikan makanan istimewa untuk golongan diraja serta pegawai tinggi sebelum kemudiannya diperluaskan ke pasaran Singapura apabila dieksport pada awal 1900.

Tiram ini dinamakan sebagai *Crassostrea (Magallana) saidii* sebagai mengiktiraf usaha yang dilakukan oleh Md Saidi Mohamed yang giat mempromosikan penyelidikan dan pemuliharaan untuk kelestarian tiram ini sejak 2013.

"Tiram spesies ini dipercayai antara 10 jenis hidupan akuatik terbaik di dunia, malah tidak loya apabila dimakan begitu sahaja tanpa perahan lemon seperti spesies lain dan kerana itu digelar tiram premium," kata seorang lagi penyelam tiram, Nasir Kassim yang melakukan pekerjaan itu sejak lebih dua dekad, dari usia 16 tahun.

Kajian Nur Leena dan Julia mendapati tiram putih itu hanya hidup di muara Sungai Muar dengan kemasinan air lapan hingga 25 ppt (ukuran kemasinan) dan tidak boleh hidup di dalam air laut.

Impak perubahan iklim

Di sebalik kebimbangan penyelam tiram Sungai Muar untuk mencari pelapis, situasi perubahan iklim yang tidak menentu ini juga turut merunsingkan apabila pencarian rezeki utama mereka turut terjejas khususnya ketika banjir.

Mengimbau kembali banjir besar yang pernah menenggelamkan Segamat pada 2016, Abdul Syukur Bahrom, 57, berkata, ia turut memberi kesan kepada pencarian tiram di Sungai Muar apabila hampir dua tahun mereka tidak dapat mengutip tiram kerana hidupan itu tidak mbiak.

Kedua-dua itu menyebabkan pasukan penyelidik I-AQUAS sedang berusaha untuk meningkatkan populasi tiram melalui pendekatan akuakultur. - Bernama



Permintaan tinggi tiram putih Sungai Muar dalam kalangan penggemar tiram adalah kerana keenakan rasanya yang boleh dimakan segar tanpa perahan lemon.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/10/2023	KOSMO	NEGARA	17



BEBERAPA buah bot nelayan ditempatkan di Pantai Kampung Pachakan, Pasir Puteh sebelum dibawa pulang ke rumah bagi menghadapi Monsun Timur Laut.

Sara hidup dengan RM300 ketika Monsun Timur Laut

Ombak besar, nelayan mula simpan bot

Oleh TOREK SULONG

PASIR PUTEH – Lebih 50 nelayan pesisir Pantai Kampung Pachakan, di sini, mula memindahkan bot dan sampan ke kawasan yang lebih selamat bagi menghadapi Monsun Timur Laut yang diramalkan berlaku dalam tempoh terdekat.

Seorang nelayan, Mohammad Ibrahim, 42, berkata, ketika Monsun Timur Laut berlaku, ombak akan lebih besar terutama semasa air pasang besar yang boleh menghanyutkan bot dan sampan serta pukuk jika ditinggalkan di pesisir pantai.

Katanya, sampan dan peralatan menangkap ikan akan dibawa balik ke rumah masing-masing

dengan menggunakan perkhidmatan jentera.

"Ini sudah menjadi rutin golongan nelayan, di sini setiap tahun.

"Sebahagian nelayan juga akan menambat bot dan sampan mereka di Terusan Semerak serta Kuala Besut yang merupakan lokasi selamat," katanya ketika ditemui *Kosmo!* semalam.

Menurutnya, sepanjang monsun selama tiga bulan itu akan menjadi musim yang perit buat golongan nelayan apabila mereka tiada punca pendapatan untuk menyara keluarga.

Katanya, semua nelayan bergantung sepenuhnya kepada Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) sebanyak RM300 sebulan

yang disalurkan kerajaan selain menggunakan sedikit wang simpanan.

Seorang lagi nelayan, Wan Hafiza Wan Hassan, 37, berkata, kebanyakan nelayan tiada simpanan wang yang banyak kerana pekerjaan itu umpama kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

"Syukur kebajikan kami dibela dengan EHSN yang banyak meringankan bebanan dan kos sara hidup yang semakin meningkat," ujarinya.

Monsun Timur Laut yang diramalkan bermula dari November hingga Mac sering membawa hujan lebat dan berisiko berlaku banjir besar terutamanya di negeri-negeri Pantai Timur.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/10/2023	NEW STRAITS TIMES	NATION	5

CEILING PRICE READJUSTMENT

'GIVE CASH TO BUY CHICKEN, EGGS'

Titiwangsa MP suggests that govt give subsidies to M40 and B40 groups

KUALA LUMPUR

TITIWANGSA member of parliament Datuk Seri Johari Abdul Ghani has suggested that the government provide chicken and egg cash subsidies for the B40 and M40 groups to relieve the burden caused by the rising prices of these two essential items.

This followed the government's move to readjust the ceiling prices of chicken and eggs based on the global market.

Johari said the adjustment of the ceiling prices was a long-term solution to address the shortage of these items as the price of chicken feed continued to rise.

He pointed out that the shortage of chicken and eggs in the country could be attributed to the increase in global commodity prices, where the primary sources of chicken feed, namely corn and soybean, had seen multifold hikes.

He added that previously, the government had not provided any subsidies to the chicken and egg industry because the country was self-sufficient in the supply of primary raw materials, and the industry was not facing



The adjustment of the ceiling prices for chicken and eggs is a long-term solution to address the shortage of these items as the price of chicken feed continues to rise. PIC BY NUR AISYAH MAZALAN

any issues.

However, he said, although the government had now allocated RM3.8 billion in subsidies to farmers, the supply of chicken and eggs was still facing problems.

"In the past, chicken production was very stable, with more than 100 per cent self-sufficiency, and egg production reached up to 110 per cent, enabling Malaysia's chicken and egg industry to export to foreign markets.

"For a long-term solution, I propose that the government adjust the retail ceiling price for chicken and eggs according to fluctuations in the prices of these commodities in

the world market, as the preparation for the increase in commodity prices related to chicken feed, most of which is imported.

"However, when the government adjusts the retail price ceiling for chicken and eggs according to market prices, it must also take care of the B40 and M40 groups that will be affected.

"To protect the B40 and M40 groups, the government is advised to provide cash subsidies for chicken and eggs through direct transfers, with the subsidy amount being determined according to the changes in retail ceiling price set by the government," he said in a video clip posted on X yesterday.

In addition, Johari, who is Umno vice-president, said the impact of adjusting the retail price ceiling according to fluctuations in the world commodity market

and providing direct subsidies to targeted groups could stabilise the chicken and egg industry as a whole.

"The government can then generate tax revenue from company profits due to the growth of a healthy chicken and egg industry resulting from the adjustment of the ceiling price.

"Government revenue can also be allocated by providing direct subsidies for chicken and eggs to the B40 and M40 groups through cash transfers, with the country being able to regain 100 per cent self-sufficiency.

"The country also does not need to depend on imported supplies of chicken and eggs, and can develop and strengthen its food security and even export to foreign markets, thereby convincing importing countries to buy supplies from Malaysia," he said.



Datuk Seri Johari Abdul Ghani

Headline	PSM urges PM, MAFI minister to intervene	Color	Full Color
MediaTitle	Guang Ming Daily	Circulation	49,712
Date	26 Oct 2023	Readership	149,136
Section	News	ArticleSize	581 cm ²
Page No	A4	AdValue	RM 8,750
Language	Chinese	PR Value	RM 26,250
Journalist	N/A		
Frequency	Daily		



» 拱橋農民遭驅逐

糧食成本漲卻摧毀農地 社黨促首相農長介入

(怡保25日讯) 社会主义党总书记西哈拉占发文告不满首相拿督斯里安华和农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布，指责他们对于拱桥农民遭遇农地被驱逐的课题不闻不问，至今仍未表达立场。

安华也是打拉区国会议员，拱桥是该国会选区属下的其中一个华人占多数的地区。

社会主义党敦促安华和末沙布立即干预，停止目前正在进行的摧毁农作物行动，并立即解决拱桥农民，甚至是整个霹靂州的农地问题。

文告指出，在国家正在面临粮食成本飙升的危机当儿，霹靂州政府却摧毁了有能力每天为人民生产超

过60吨蔬菜的农作地，这是不合逻辑的。

如何实现国内产量50%

“这项行动将占地25英亩的玉米、菠菜、油棕、柚子和青葱等各种农作物铲除，而那些经营这些农地已有三代之久的农民们在昨晚被驱逐、受到侮辱和被拘留。”

“末沙布曾经表示，如果能在未来5年内实现国内产量的50%，马来西亚将能够减少对谷物进口的依赖。那为什么还要摧毁拱桥区的农地和玉米作物呢？”

文告表示，安华和末沙布在农民被驱逐的问题上保持沉默，是对农民和那些赋权政府管理国内粮食供应与库存的国人的一种迫害。



■拱桥受到拆除农地影响的农民和社会主义党领袖在霹靂州政府大厦外拉横幅和平请愿。

求見大臣不果拉橫幅堵入口

“我们要见州务大臣！”拱桥工业区农民被土地及矿物局驱逐的事件发生后，一众农民在社会主义党领袖的陪同下，分别于昨午和今早到霹靂州政府大厦求见霹靂州务大臣，但都无法如愿。

社会主义党领袖今早联同约15名拱桥农民，在霹靂州政府大厦外和平请愿，要求见大臣并恳请政府指示土地及矿物局的官员暂停清除农地，但被告知霹靂大臣不在州内，大臣秘书处职员也表示无法联络上大臣，请愿者对此感到不满，堵在入口处前拉橫幅。

请愿者在入口处拉橫幅后，大厦

职员和民众轿车都无法驶入，大厦外交通一度陷入混乱，一些职员因此上班迟到。不过约10分钟后，请愿者散开，交通恢复正常。

今早在大厦外会见社会主义党主席再也古马的大臣秘书处职员表示，大臣和其他州行政议员目前身在吉隆坡召开州行政会议。

等大臣指示才停工

再也古马指出，土地及矿物局的官员向农民们表示，目前在农地进行清除工作的人员只听从大臣的指示，只有大臣下指示他们才能暂停工作。“昨天我们来这里见到大臣

的助理，对方表示会联络大臣，今早我们来见该名助理，对方又不在了。我们必须堵在入口处，才可以获得大臣助理的联络电话。”

“目前我们已传信息给大臣助理，要求他指示土地及矿物局先暂停清除工作，然后和农民慢慢谈替换土地和赔偿的事宜，但暂时还没有得到回复。”

他抨击当局十分不尊重农民，这些农民三代都在耕种，把农地做起，而当局只给一个星期的通知，然后又不愿意协商就采取强硬的手段。

他表示，他们会聘请律师，把事件带上法庭提告，针对农民被拆毁农地所造成损失索取赔偿。(BPK)

農地經營80年損失難估算

农民代表刘育泉披露，目前土地及矿物局所清除的农地，暂时涉及了6名农民共多达30多英亩的农地，许多都经营了80年，所面临的损失还无法估算。


他的农场所种植的杨桃，目前在收成中，但当局所给

的7天通知，根本让他做不了什么。

“当局之前承诺提供一个替代土地，但没有跟农民商量，昨天一大早就来推芭了。”

据报导，霹靂土地及矿物局昨早派员前往拱桥工业区清空菜园，社会主义党领袖以及农民在场捍卫菜园，过程中一人被推倒受伤，另4人被带返警局，不过当晚4人已获得警方口头保释 (Jamin Polis)。(BPK)

Headline	RHB Research: Chicken and egg prices unlikely to rise significantly after price controls lifted		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	26 Oct 2023	Color	Black/white
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	155 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,174
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,522



兴业研究：取消价格管制 鸡肉蛋价不会大涨

(吉隆坡 24 日讯) 虽然政府在 2024 年财政预算案宣布取消肉鸡和鸡蛋的价格管制措施，但预料肉鸡相关产品的价格不会因此大幅度上涨。

兴业研究指出，政府宣布的措施对家禽业而言是中立的。

该行在一份研究报告中说，预计价格浮动后的平均售价 (ASP) 调整将抵消取消补贴的影响。

“在考虑到商品价格的缓解和行业供需动态更为稳定，我们预计肉鸡产品价格会在自由浮动后，不会大幅上涨。”

鉴于肉鸡产品是最廉价的蛋白质来源，兴业研究相信其需求将保持灵活。

首相拿督斯里安华在提呈 2024 年财政预算案时表示，自 2022 年 2 月以来，政府承担的鸡蛋和鸡肉补

贴高达 38 亿令吉。

他说，补贴的原旨是控制肉鸡和鸡蛋价格突然上涨，以及解决供应短缺问题。

他表示，当前趋势显示，肉鸡和鸡蛋的供应已开始稳定，目前的市场价格低于控制顶价。

陈泓缜：价格管制不适用

另一方面，农业及粮食安全部副部长拿督陈泓缜说，鉴于肉鸡和鸡蛋供应已趋于稳定，目前的市场价格也较低，因此价格管制已不适用。

“实际上，我国的鸡蛋和肉鸡产量实际上早已达到自给自足水平，只是在去年杪出现轻微的供应链中断问题，在政府采取多项干预措施后，肉鸡和蛋鸡养殖业已逐渐恢复正常。”

Headline	Govt announces several measures to boost food production		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	26 Oct 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	4	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	129 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,886
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,658



末沙布：推玻奶牛養殖 施肥計劃 數政策提升糧食生產

（布城25日讯）农业及粮食安全全部决定通过玻璃市朱宾的综合奶牛场发展计划，来推动国家奶牛工业项目，及透过拟议落实的有机肥料及生物肥料供应与施肥计划，来提高稻米的产量与收成。

农粮部长拿督斯里莫哈末沙布说，该部正通过各种倡议的落实，来提升农业粮食领域的生产力，包括在技术、现代化和农产品价值链领域来推动，并会透过黄梨产业发展策略及重组现有出口市场鼓励举措，来促进农粮领域的竞争力与效率。

他今日发文告指出，为了提升高价值原产品的生产力，该部也计划扩大马来西亚黄梨工业局范围至椰子和榴梿等方面高价值原产品。

“这将有助于削减贸易赤字、强化针对农业项目种子品种的研发工作、提高农基下游产品出口的表现及刺激国内食品生产的活动。”

他说，政府今日召了以副首相兼种植及原产业部长拿督斯里法迪拉，及投资、贸易及工业部长东姑赛夫鲁为首的内阁国家粮食安全政策委员会会议，议决全面确保国家粮食的供应稳定、充足与安全。

他指出，会议获得部长、副部长和国行总裁出席，并对8份工作报告和4份资讯文件进行商讨。

他说，在粮食安全是共同责任的概念下，保障国家粮食的安全、稳定和永续供应是各方责任，这符合昌明大马发展愿景。

Headline	PSM: Anwar, Mat Sabu indifferent to farmer eviction		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	26 Oct 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	8	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	243 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,319
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,957



拱桥受到拆除农地影响的农民和社会主义党在霹雳州政府大厦外拉横幅和平请愿。(刘剑英摄)

社黨：拱橋農民被驅逐 “安華末沙布不聞不問”

(怡保25日讯) 社会主义党总秘书西华拉占发文告谴责首相拿督斯里安华和农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布拿督斯里末沙布，指他们对于拱桥农民遭遇农地被驱逐的课题不闻不问，至今仍未表达立场。

安华也是打扪区国会议员，拱桥是该国会选区属下的其中一个华人占多数的地区。

抨摧毁农地作物不合理

社会主义党敦促安华和末沙布立即干预，停止目前正在进行的摧毁作物行动，并立即解决拱桥农民，甚至是整个霹雳州的农

地问题。

文告指出，在国家正在面临粮食成本飙升的危机当儿，霹雳州政府却摧毁了有能力每天为人民生产超过60吨蔬菜的农地，这是不合逻辑的。

“这项行动将占地25英亩的玉米、菠菜、油棕、柚子和青葱等各种作物全部铲除，而那些种植这些农地已有三代之久的农民在昨晚被驱逐、受到侮辱和被拘留。”

“末沙布曾经表示，如果能在未来五年内实现国内产量的50%，马来西亚将能够减少对谷物进口的依赖。那为什么还要

摧毁拱桥区的农地和玉米作物呢?!”

文告表示，安华和末沙布在农民被驱逐的问题上保持沉默，是对农民和那些赋权政府管理国内粮食供应与库存的国人的一种迫害。

农民

堵霹政府大厦入口请愿

另一方面，社会主义党主席再也古马今早也率领15名拱桥农民，在霹雳州政府大厦外和平请愿，要求见霹雳州务大臣拿督沙拉尼并恳请对方指示土地及矿务局的官员暂停清除农地，但由于大臣不在州内，同时大臣秘书处职员也表示无法联络上他，导致请愿者不满，随即堵在入口处前拉横幅，令到大厦职员和民众轿车无法驶入。